Jadual 7.10 Permasalahan mekanisme dan cadangan

| Mekanisme | Permasalahan | Huraian Permasalahan | Cadangan | Pengaruh |
|---|---|---|---|---|
| Mahkamah: Peradilan Agama<br><br>dan<br><br>Peradilan Umum | Mengikut kelemahan mekanisme mahkamah | Sebagai saluran akses kepada keadilan, mahkamah sememangnya mempunyai banyak kelemahan. Satu cara mengatasi dengan memasukkan mekanisme ADR dalam prosedur penghakimannya. Namun demikian, hal ini juga masih menimbulkan masalah, antaranya, pendekatan sikap pengantara yang berasal daripada hakim berbeza dengan pengantara bukan hakim. | **Jangka Pendek**<br>**Undang-undang**<br>Mempertingkatkan fungsi sistem bagi mengawal keupayaan dan prestasi kerja hakim.<br>**Lain-lain**<br>Memperkenalkan penggunaan e-mahkamah bagi meningkatan perkhidmatan penyelesaian pelbagai pertikian<br>**Jangka Panjang**<br>Menfaatkan penggunaan e-mahkamah bagi meningkatan perkhidmatan penyelesaian pelbagai pertikian | Pengaruh e-mahkamah di Malaysia |
| | Hakim sebagai pengantara | Pada mekanisme mahkamah yang menerapkan juga mekanisme pengantaraan, pada umumnya hakim juga berperanan sebagai pengantara. Hal sedemikian menyebabkan suasana pengantaraan tidak berbeza dengan suasana perbincangan di mahkamah. | **Jangka Pendek**<br>**Undang-undang**<br>Melantik hakim yang berkeupayaan sebagai perantara yang baik.<br>**Lain-lain**<br>Menyediakan infrastruktur bagi proses pengantaraan yang sewajarnya.<br>**Jangka Panjang**<br>**Undang-undang**<br>Menambah jumlah pengantara bukan hakim<br>**Lain-lain**<br>Pelatihan dan pengkondisian terhadap hakim sedia ada. | Pengaruh pelbagai sumber |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Timbang tara: BASYARNAS | Hanya menekankan mekanisme primer timbang tara | Pengguna tidak mempunyai pilihan mekanisme lain, meskipun dalam prosedur penghakimannya terdapat tahap perdamaian. Namun demikian, hal ini masih berkesan formaliti sahaja. Ini dapat dilihat juga daripada panduan BASYARNAS.<br>Sementara pada asasnya bagi memberikan kemudahan bagi pengguna dalam penyelesaian pertikaian, masih dapat dilakukan pengembangan kepada mekanisme yang lebih sesuai. | **Jangka Pendek:**<br>**Undang-undang**<br>- Melakukan pelbagai kajian bagi mempersiapkan cara mempelbagaikan bentuk mekanisme menjadi *med-arb* dengan pelbagai akibatnya.<br>- Sentiasa mengemaskinikan keupayaan penimbang tara<br>**Lain-lain**<br>- Mengawali penambahbaikan institusi dengan pendekatan *e-governance*.<br>- Melakukan koordinasi dengan MUI bagi membangun langkah-langkah strategis.<br>- Bermusyawarah dengan asosiasi-asosiasi institusi-institusi ekonomi Islam, baik perbankan, insuran, koperasi, pasar pelaburan, sukuk, dan lain-lain bagi menyokong kemandirian dalan hal dana dan pengembangan BASYARNAS.<br>- Merintis pemanfaatan IT secara mandiri, dan tidak menginduk kepada MUI. | Pengaruh KLRCA Malaysia |
| Pengantaraan:<br><br>Mediasi Perbankan | Hanya menekankan mekanisme primer pengantaraan | Pengguna tidak mempunyai mekanisme lain. Hal ini memandangkan fungsi pengantaraan di Mediasi Perbankan ini masih melekat pada institusi BI. | **Jangka Pendek**<br>**Undang-undang**<br>Mempersiapkan usaha mempelbagaikan mekanisme dengan mekanisme timbang tara<br>**Lain-lain**<br>- Meluaskan perkhidmatan pengantaraan dengan meningkatkan bilangan pengantara. Meningkatkan kemanfaatan IT bagi mengarah ke *e-dispute* dan ODR.Jangka Pendek<br>**Jangka Panjang**<br>**Undang-undang**<br>Menerapkan mekanisme *hybrid.*<br>**Lain-lain**<br>Mengemas kini berterusan tentang mekanisme penyelesaian pertikaian. | Pengaruh BPK Malaysia |